

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 11 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 29

'Puchong' masih hidup

PUCHONG - Seekor anjing liar yang menjadi kontroversi apabila proses tangkapannya pada 3 Oktober lalu didakwa tidak mengikut tatacara operasi piawaian (SOP) dilaporkan masih hidup dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Anjing jantan diberi nama 'Puchong' bersempena lokasi insiden kekecohan itu berlaku juga dilaporkan dalam keadaan sihat dan dijaga baik oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Ia kini ditempatkan di Pusat Kurungan Haiwan MPSJ di Taman Perindustrian Puchong Utama.

Editor akhbar komuniti *Subang Jaya Echo*, Teoh Teik Hoong yang melawat dan melihat keadaan haiwan itu berkata, ia dalam keadaan baik dan tiada kecederaan fizikal dilihat selepas ditangkap petugas MPSJ hampir seminggu lalu.